

Kehidupan di luar tempat kerja

4.1 Cara mengisi hari kelepasan.

Terdapat pelbagai cara yang dilakukan oleh pembantu rumah untuk mengisi hari kelepasan mereka. Hari kelepasan ini diberikan oleh majikan sama ada pada hari Sabtu dan Ahad atau pada hari Ahad sahaja.

Berdasarkan kajian, kesemua 15 orang pembantu rumah sambilan berada di rumah masing-masing pada setiap hujung minggu. Pada hari tersebut, mereka mengambil kesempatan berkumpul dan berehat bersama keluarga. Seramai 12 daripada 35 orang pembantu rumah sepenuh masa pulang ke rumah masing-masing bila tiba hari kelepasan. 5 orang lagi menyatakan mereka akan keluar bersiar-siar dengan rakan-rakan mereka ke bandar. 3 orang responden sering keluar bersiar-siar sambil membeli - belah. Manakala 2 orang pembantu rumah sering keluar membeli-belah sahaja bila tiba hari kelepasan.

6 orang responden yang tinggal bersama majikan dan tidak mempunyai saudara-mara meneruskan kerja-kerja mereka membantu majikan. Manakala 2 orang lagi pembantu rumah sepenuh masa juga membantu majikan kerana mereka hanya diberi cuti oleh majikan dalam jangka masa tiga bulan

sekali. Jika dibenarkan pulang ke kongsi, mereka akan bersiar-siar bersama rakan-rakan.

4.2 Hubungan sosial.

Pembantu rumah juga berinteraksi dengan kaum keluarga mereka dan saudara - mara, jiran-jiran dan masyarakat setempat. Hubungan yang terjalin adalah sama ada di luar atau di dalam kawasan kajian. Perbincangan yang lebih mendalam akan dibahagikan kepada empat iaitu hubungan dengan keluarga/saudara-mara di Malaysia, hubungan sesama pembantu rumah Indonesia, hubungan dengan jiran dan masyarakat tempatan dan hubungan dengan kaum keluarga di Indonesia. Hubungan dengan jiran adalah sama ada sesama orang Indonesia sendiri atau dengan penduduk tempatan (Melayu, Cina, India dan lain-lain bangsa).

4.2.1 Hubungan dengan kaum keluarga/saudara-mara di Malaysia.

Seramai 36 responden mempunyai saudara-mara di Malaysia. Hubungan yang terjalin ialah di antara mereka dengan abang, kakak, adik, sepupu, ibu saudara dan sebagainya. Pembantu rumah biasanya tinggal bersama atau berhampiran dengan mereka. Kawasan tempat tinggal saudara-mara mereka ialah di Ampang, Taman Keramat, Kg. Sg. Kayu Ara, Kg. Pandan dan

Gombak. Terdapat seorang responden yang mempunyai abang saudara yang menetap di Johor.

Menurut 24 orang responden, saudara-mara mereka ini seringkali datang menziarahi mereka di rumah. Salah seorang responden pula menyatakan, beliau dan abangnya sering mencari di antara satu sama lain tetapi tidak pernah berjumpa. Beliau sentiasa dikawal oleh ketua kongsiya apabila beliau pulang 3 bulan sekali, menyebabkan beliau tidak dapat keluar berjumpa abangnya. Menurutnya, rakannya pernah memberitahu bahawa abangnya pernah datang ke kongsi, tetapi ketua kongsi menyatakan beliau sudah tidak tinggal bersama mereka lagi. Pembantu rumah yang sering diziarahi atau menziarahi saudara-mara mereka mengatakan hubungan di antara mereka adalah baik dan mesra. Mereka sering bekerjasama dalam beberapa hal seperti menguruskan kedatangan saudara-mara yang baru sampai ke Malaysia dan membantu dari segi kewangan. Saudara-mara yang baru tiba akan diberi perlindungan iaitu diberi tempat tinggal dan dicarikan kerja.

4.2.2 Hubungan dengan pembantu rumah Indonesia yang lain.

Daripada kajian, hanya 38 orang responden sahaja yang berinteraksi dengan pembantu rumah Indonesia di luar tempat kerja mereka. Mereka ini tinggal berdekatan dengan rumah

majikan atau di sekitar kawasan kediaman responden. 8 orang darinya, bertemu dengan pembantu rumah ini setiap hari manakala 24 orang lagi menyatakan mereka kerap bertemu 2 atau 3 kali seminggu. 6 orang responden pula hanya bertemu sekali-sekala jika mempunyai masa lapang. Kesemua mereka biasanya bertemu apabila bersiar-siar pada waktu petang atau apabila mereka pulang ke rumah masing-masing.

Dua orang pembantu rumah tidak langsung berinteraksi dengan pembantu rumah Indonesia yang lain. Ini adalah kerana majikan mereka tidak mengizinkan mereka berjumpa dengan orang lain selain dari keluarga majikan. Majikan ini takut kalau-kalau ada yang melaporkan kepada pihak polis tentang pembantu rumahnya yang datang secara tidak sah.

8 responden tidak dapat berinteraksi kerana tiada masa bertemu akibat daripada kesibukan menjalankan tugas masing-masing. 2 orang responden lagi baru sahaja tiba ke Malaysia, jadi mereka belum berkesempatan untuk berkenalan dan berjumpa dengan orang lain di luar rumah majikan.

4.2.3 Hubungan dengan jiran dan masyarakat tempatan.

Pembantu rumah ini juga turut berinteraksi dengan orang-orang Indonesia yang ada di Malaysia. Ini berlaku bagi pembantu rumah yang tinggal dalam satu perkampungan yang terdapat ramai orang Indonesia seperti di Kg. Sq. Kayu Ara,

Jamansara.

Oleh kerana mereka tinggal di dalam satu kawasan maka mereka sering tolong-menolong di antara satu sama lain misalnya apabila mengadakan kenduri-kendara atau gotong-royong membersihkan kawasan. Namun begitu, hanya 45 responden sahaja yang bergaul dengan orang-orang Indonesia ini. Tiga orang responden tidak menjalinkan hubungan dengan orang-orang Indonesia kerana baru tiba di Malaysia. Sementara dua orang lagi tinggal di rumah majikan yang didiami sebahagian besarnya oleh orang-orang Melayu.

Seramai 40 responden turut bertegur sapa dengan jiran-jiran dan masyarakat tempatan (Melayu, Cina dan India), selebihnya tidak kerana mereka tinggal di perkampungan yang rata-rata didiami oleh orang-orang Indonesia.

72% pembantu rumah bertegur sapa dan bergaul dengan orang Melayu, 4 % berbual-bual dengan orang Cina dan 4% dengan orang India. Mereka berinteraksi dengan orang Melayu kerana tinggal berdekatan dengan mereka. Cara hidup dan agama yang sama memudahkan mereka untuk berinteraksi. Kesukaran yang timbul hanyalah dari segi bahasa, mereka terpaksa mengambil masa beberapa bulan untuk memahaminya.

Hanya 10% yang bergaul dengan semua kaum (Melayu, Cina dan India). Responden biasanya tinggal di kawasan

petempatan orang Melayu dan bekerja di rumah majikan yang terdapat pelbagai bangsa di sekitarnya. Situasi tersebut memudahkan mereka untuk bertegur sapa.

Terdapat pelbagai faktor mengapa ada pembantu rumah tidak mahu atau tidak dapat berkenalan dengan jiran-jiran mereka dan masyarakat tempatan. 10% menyatakan bahawa mereka amat sibuk dengan tugas-tugas mereka dan menghabiskan masa di rumah majikan sahaja. Kesibukan tersebut menghalang mereka untuk berinteraksi. 4% menyatakan kawasan kediaman mereka hanya dipenuhi oleh orang-orang Indonesia sahaja, sedangkan majikan mereka berbangsa Cina dan tinggal di kawasan petempatan yang majoritinya diduduki oleh orang-orang Cina. 6% lagi menyatakan mereka baru sahaja tiba ke Malaysia dan tidak mempunyai kesempatan untuk bergaul dengan rakyat tempatan. Tambahan pula majikan tidak membenarkan mereka keluar rumah dan bertegur sapa dengan orang-orang yang tidak dikenali kerana mereka tidak mempunyai kad pengenalan.

17 daripada 40 pembantu rumah yang berinteraksi dengan jiran dan masyarakat tempatan menyatakan, kawasan sekitar kediaman menjadi tempat bagi mereka untuk bertemu dan berkenalan. 5 orang pembantu rumah sering menyapa orang dari kumpulan etnik lain di tempat kerja, sementara 14 orang menyatakan mereka menjalin hubungan di tempat kerja

dan sekitar kawasan kediaman. 2 orang responden bertemu mereka di sekitar kawasan kediaman dan di sekolah anak mereka. Manakala 2 orang lagi bertegur sapa dengan masyarakat tempatan tidak kira di mana jua.

Kawasan sekitar kediaman responden merupakan tempat paling mudah dan sesuai untuk menjalin perhubungan kerana di situlah tempat di mana mereka sering bertemu dan bertegur sapa.

4.2.4 Hubungan dengan keluarga di Indonesia.

Kesemua pembantu rumah kecuali dua orang mempunyai keluarga rapat di Indonesia. Dua orang responden tersebut ialah ibu dan anak, walau bagaimanapun mereka masih mempunyai saudara-mara yang tinggal di negara jiran itu.

Hubungan yang terjalin di antara mereka dengan keluarga di kampung ialah melalui surat dan kiriman wang. Daripada kesemua 50 orang responden, hanya 39 orang sahaja yang pernah dan masih menghantar wang kepada keluarga mereka di Indonesia. Selebihnya tidak dapat menghantar kerana kesemua wang tersebut dibelanjakan untuk urusan rumah tangga. Jumlah wang yang sering dihantar adalah di antara \$10 ke \$1500 (lihat jadual 4.2.4).

Jadual 4.2.4
Jumlah kiriman wang dan kekerapan menghantar oleh responden kepada keluarga di kampung

Jumlah (\$)	Kekerapan (dalam bulan)						%		
	1	2	3	4	5	setahun sekali tidak tentu			
10 - 100			2		2	1	1	12	
100 - 199	2	2	5		2	3	1	30	
200 - 299	3		2			1	1	14	
300 - 399	1		1				1	6	
400 - 499								-	
500 - 599		1		1	1			6	
600 +			2	1	1			8	
Tidak tentu	1							2	
Tiada								22	
	Jumlah								100

Berdasarkan jadual, kebanyakan responden (15 orang) menghantar di antara \$100 ke \$199 untuk perbelanjaan keluarga di kampung. 5 daripadanya menghantar wang setiap tiga bulan sekali. Terdapat 4 orang responden yang menghantar \$600 dan ke atas di mana dua di antaranya mengirim wang berjumlah \$1000 dan \$1500. Seorang pembantu rumah menyatakan, kiriman wang yang dihantarnya ke kampung adalah tidak tetap kerana bergantung kepada simpanan yang ada padanya. Jika beliau terpaksa berbelanja lebih untuk

keperluan rumah tangganya, kadangkala wang tidak dapat dikirim.

Kekerapan menghantar wang bergantung kepada pembantu rumah dan orang tengah yang menolong menyampaikannya kepada keluarga di kampung. Terdapat 7 orang responden yang menghantar wang ke kampung setiap bulan. Mereka menyimpan sebahagian atau kesemua wang pendapatan mereka untuk dihantar pada setiap bulan. 2 orang responden menyatakan pengiriman wang tersebut adalah bergantung kepada simpanan mereka. Kadang-kadang semua wang dari pendapatan mereka itu terpaksa digunakan menyebabkan mereka tidak dapat menghantarnya ke kampung.

32 responden menghantar wang melalui seseorang yang akan pulang ke kampungnya. Orang tersebut biasanya merupakan jiran atau kenalan yang tinggal sekampung dengan mereka dan seorang yang boleh dipercayai. Mereka menganggap, jika diberikan kepada seseorang yang dikenali akan lebih memudahkan urusan mereka jadi mereka tidak perlu mengirimnya melalui bank. Terdapat 2 responden yang menghantar wang melalui saudara-mara mereka iaitu melalui abang, bapa saudara dan sepupu apabila mereka pulang ke kampung.

Penghantaran wang melalui bank dilakukan oleh 5 orang responden dan bank yang menjadi tempat simpanan wang mereka

ialah Bank Simpanan Nasional dan Bank Bumiputra. Biasanya penghantaran wang dilakukan oleh majikan.

Tujuan utama wang dihantar ialah untuk menyara keluarga di kampung. Seorang responden menyatakan adakalanya wang dihantar apabila keluarga di kampung menghadapi kesempitan wang seperti untuk perbelanjaan pembedahan bapanya yang sakit. Seorang responden lagi menghantar wang untuk menjelaskan hutang kepada saudaranya.

11 orang responden tidak pernah menghantar wang ke kampung kerana baru datang ke Malaysia dan baru beberapa bulan bekerja. Mereka belum dapat mengumpul wang dan menyimpannya. Terdapat juga responden yang mempunyai ibu bapa, suami dan anak-anak di sini dan hanya suaminya sahaja yang menghantar wang ke kampung kerana keluarganya masih ada di sana.

4.3 Kepulangan ke kampung asal.

Hanya seramai 20 responden yang pernah pulang ke kampung asal. Kekerapan pulang boleh dilihat dalam jadual 4.3 a.

Jadual 4.3 a
Kekerapan pulang ke kampung asal



Kekerapan	Bilangan	Peratus
Apabila ada hal penting	8	16
Hari Raya	6	12
Baru sekali	4	8
Dua tahun sekali	1	2
4 tahun sekali	1	2
Jumlah	20	40

Menurut seorang responden, beliau akan pulang ke kampung apabila terdapat sesuatu hal misalnya bapanya sakit atau terdapat kenduri-kendara di kampung. Daripada jadual tersebut, kita dapati tidak semua responden akan pulang ke kampung menjelang Hari Raya, mereka hanya akan pulang apabila wang sudah cukup di tangan. Tarikh akhir kepulangan responden boleh dilihat melalui rajah 2.

Berdasarkan rajah tersebut, bilangan teramai yang pulang ke kampung ialah pada tahun 1990 (5 orang). Mereka pulang hanya apabila mampu berbuat demikian bila terdapat sesuatu hal. Berapa lama mereka akan tinggal di Indonesia sebelum balik ke Malaysia adalah bergantung kepada mereka. Biasanya mereka akan pulang untuk jangka waktu yang singkat. Namun begitu terdapat juga responden yang tinggal lama di kampung kerana mengandung dan melahirkan anak serta salah seorang anggota keluarganya sakit. Jangkamasa kepulangan boleh dilihat dalam jadual 4.3b.

Rajah 2

Tarikh akhir keputungan responden ke Indonesia



Jadual 4.3 b
Tempoh berada di kampung asal sebelum
kembali semula ke Malaysia

Tempoh	Bilangan	Peratus
17 hari	1	2
1 bulan	3	16
2 bulan	3	6
3 bulan	3	6
4 bulan	2	4
5 bulan	-	-
6 bulan	1	2
7 bulan	1	2
2 tahun	1	2
Jumlah	20	40

4.3.1 Cara kepulangan.

Cara kepulangan boleh dikategorikan kepada tiga iaitu bersendirian, bersama suami/keluarga dan berkumpul/bersama rakan. 2 orang responden menyatakan mereka pulang bersendirian tanpa ditemani oleh sesiapa. Walau bagaimanapun, mereka menaiki feri yang dinaiki bersama-sama orang-orang Indonesia lain yang tidak dikenali yang juga ingin pulang ke kampung. 11 responden pulang bersama suami manakala 3 orang pula mengikut keluarga. Seramai 4 orang responden pulang bersama rakan secara berkumpul.

4.3.2 Pengangkutan untuk pulang ke kampung.

Pengangkutan yang digunakan untuk pulang sama seperti

mana cara mereka datang dahulu iaitu dengan kapal terbang, kapal laut, tongkang/sampan dan feri (lihat jadual 4.3.2).

Jadual 4.3.2
Pengangkutan yang digunakan untuk pulang

Jenis pengangkutan	Bilangan	Peratus
Kapal terbang	12	24
Kapal laut	3	6
Tongkang/sampan	3	6
Feri	2	4
Jumlah	20	40

Berdasarkan jadual, seramai 12 orang menggunakan kapal terbang untuk pulang. Mereka akan mendarat di Jakarta sebelum pulang ke kampung masing-masing. Ternyata pembantu rumah ini mampu membayar tambang yang mahal untuk pulang daripada mengikut "jalan belakang". Apabila pulang ke sini semula, mereka tetap menggunakan kenderaan yang sama kerana khuatir dengan tindakan kerajaan Malaysia yang akan menghantar mereka pulang semula jika ditangkap kerana mengikut jalan yang tidak sah. Walau bagaimanapun, masih terdapat responden yang mengikut jalan yang tidak sah iaitu dengan kapal laut, tongkang/sampan dan feri.

Kos yang dibayar apabila menaiki kapal terbang ialah di antara \$300 - \$1000. Manakala kos menaiki kapal laut ialah

sekitar \$300 - \$600. Pembantu rumah yang menaiki tongkang/sampan dikenakan bayaran sebanyak \$100 - \$250 sedangkan mereka yang menaiki feri pula terpaksa membayar kira-kira \$100 - \$200.

Wang yang digunakan untuk membayar tambang adalah hasil daripada pendapatan pembantu rumah dan pendapatan suami, jika sudah berumahtangga. Kadangkala terdapat ibu bapa atau keluarga responden di Malaysia yang memberi bantuan kewangan kepada mereka sebagai tambang untuk pulang. Terdapat seorang responden yang diberi tambahan wang sebanyak \$200 oleh majikan setelah beliau memberitahu majikannya beliau ingin pulang ke kampung.